

Gesa DBKL semak semula projek pelebaran jalan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Johari Abdul Ghani mempersoal keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mahu merobohkan sembilan tapak perniagaan di Desa Pandan, di sini.

Ahli Parlimen Titiwangsa itu berkata, keputusan itu dibuat tanpa melalui sesi libat urus bersama beliau dan kumpulan peniaga yang bakal terjejas akibat kerja perobohan terbabit.

Beliau yang juga Menteri Perlindungan dan Komoditi antara lain menggesa DBKL menyemak semula cadangan terbabit, dikatakan bagi memberi laluan kepada projek pelebaran jalan raya.

Johari yang menjalankan tugas dan fungsi Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam turut mempersoal kewajaran pelaksanaan projek yang dikatakan untuk memberi laluan kepada kenderaan berat, termasuk treler.

“Difahamkan, DBKL sudah lantik kontraktor

projek ini, sebelum buat libat urus dengan wakil rakyat dan penduduk. Tak logik kalau hanya besarkan jalan di sini, kemudian kurang 100 meter di hadapan akan kembali kecil.

“Kenapa perlu robohkan gerai untuk projek pelebaran jalan sedangkan ini bukan laluan utama? Kalau DBKL robohkan sembilan gerai di sini, bagaimana pula nasib 60 peniaga yang beroperasi dekat gerai di hadapan sana?”

“Saya sebenarnya mahu cadangkan supaya laluan ini ditutup kerana ia hanyalah jejambat merentasi saluran perparitan, selain banyak kali treler tersangkut ketika melalui jalan terbabit.

“Saya rasa pelaksanaan projek ini perlu ditangguhkan, selain bersedia berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa,” katanya pada sidang media di sini, semalam.